

Headline	'Jangan naik, tak apa saya turun'		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	3	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	331 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,542
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,626



'Jangan naik, tak apa saya turun'

KUALA LUMPUR 9 Sept. - Tindakan spontan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menuruni anak tangga singgahsana untuk mengurniakan darjah kebesaran membuatkan Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod biasa terharu dan dihargai.

Beliau yang ditemui pemberita selepas istiadat pengurniaan Darjah Kebesaran Persekutuan 2019 di Istana Negara hari ini berkata, beliau sama sekali tidak menduga Seri Paduka akan bertindak sedemikian selepas melihat beliau yang bertongkat akibat kecederaan yang dialaminya 10 tahun dahulu ketika bertugas.

"Saya rasa terharu. Mungkin Yang di-Pertuan Agong rasa saya susah untuk naik (anak tangga singgahsana) sebab berjalan pakai tongkat.

"Sebenarnya saya terperanjat. Tuanku beri signal (kepada saya) jangan naik (anak tangga singgahsana) dan bertitah "Tidak apa saya turun"," kata Abd. Latif yang menyifatkan tindakan Seri Paduka itu sebagai satu penghargaan daripada seorang raja yang berhati mulia kepada rakyat yang cuba berbakti kepada negara.

Menurut Abd. Latif, Al-Sultan Abdullah juga sempat bertanya keadaan dirinya: "Dah lama ke sakit, boleh berjalan ke?"

Menjawab pertanyaan Seri Paduka, Abd. Latif memberitahu, beliau boleh berjalan tetapi tidak boleh berdiri lama kerana pernah jatuh dulu sewaktu bekerja.

Dalam istiadat pengurniaan hari pertama hari ini, Abd. Latif yang akan bersara pada tahun



AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH mengurniakan darjah kebesaran Panglima Jasa Negara kepada Abd. Latif Mohmod dalam Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan 2019 sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara, semalam. - BERNAMA

depan dikurniakan Darjah Panglima Jasa Negara (PJN) yang membawa gelaran Datuk.

Pada tahun ini, Yang di-Pertuan Agong berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan kepada 795 individu daripada

pelbagai kategori.

"Penghargaan ini adalah kurniaan terbaik yang saya dapat di peringkat Persekutuan. Ini membuktikan kita perlu terus berbakti dan berjasa bukan untuk diri sendiri tetapi untuk negara," katanya. -BERNAMA